

Rujukan : HCF/CCS/JS/MS/2025-Bil.116

Tarikh : 10 September 2025

**PENGARAH URUSAN**

BWYS GROUP BERHAD

1571, JALAN SERUNAI,

KAWASAN PERINDUSTRIAN VALDOR,

MUKIM 12, 14200, SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berbahagia Tuan/Puan,

**PERMOHONAN SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN & PENDIDIKAN CAHAYA  
(TABUNG CAHAYA)**

Semoga Y. Bhg. Tuan/Puan berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

2. Hidayah Centre Foundation (HCF) telah diperbadankan sebagai sebuah yayasan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang – Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri pada 29 Februari 2012 dengan nombor pemerbadanan PPAB-14/2012.

HCF berperanan sebagai satu institusi yang berkhidmat untuk menghubungkan komuniti daripada pelbagai etnik dan agama di Malaysia. Khidmat dan aktiviti HCF adalah tertumpu kepada masyarakat berbilang bangsa dan agama yang memerlukan bantuan dan bimbingan dalam pelbagai aspek.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Tuan/Puan, HCF telah mewujudkan satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Cahaya di mana objektif utama penubuhan Tabung Cahaya ini adalah berfokus kepada projek-projek **pendidikan dan kebajikan** di dalam negara.

Ianya telah diluluskan secara rasmi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) pada 1hb September 2022 dengan nombor rujukan LHDN.01/35/42/51/179-6.8706 di mana setiap sumbangan yang diberikan **layak untuk mendapat manfaat pengecualian cukai daripada LHDN.**

4. Justeru, kami ingin menawar kepada pihak Y. Bhg. Tuan/Puan untuk memberi sumbangan kepada Tabung Cahaya ini demi memastikan kami mencapai objektif yang ditetapkan. Y. Bhg. Tuan/Puan boleh layari laman sesawang Tabung Cahaya <https://hidayahcentre.org.my/tabungcahaya/> untuk maklumat lanjut dan membuat sumbangan.

Dilampirkan bersama pautan kepada profil korporat HCF 2025 (<https://hidayahcentre.org.my/korporatprofil/>), poster Tabung Cahaya, surat kelulusan daripada LHDN dan gambar-gambar aktiviti program daripada dana Tabung Cahaya untuk rujukan dan perhatian Y. Bhg. Tuan/Puan. Untuk sebarang persoalan, boleh berhubung dengan Pegawai Unit Jalinan Strategik (En. **Mior Syahmi**) di talian **011-57604604** atau di emel [dana@hidayahcentre.com](mailto:dana@hidayahcentre.com).

Segala perhatian dan sokongan daripada pihak Y. Bhg. Tuan/Puan, kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



.....

**Tuan Joannes Bin Lukas**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Hidayah Centre Foundation

# OBJEKTIF



## PENDIDIKAN

- Kelas Bimbingan
- Tajaan Sambung Belajar
- Back to School
- Bantuan Yuran Tuisyen
- Bayaran Kursus Kemahiran



## KEBAJIKAN

- Food Aid
- Bantuan Sewa Rumah
- Suntikan Modal Perniagaan
- Bantuan Bencana Alam dan Musibah

# MANFAAT

Tujuan Tabung Cahaya ini juga adalah bagi menghargai sumbangan berterusan dari para penyumbang dan bagi mengukuhkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap HCF sebagai sebuah NGO yang berintegriti, amanah dan telus.

# KEISTIMEWAAN

Setiap sumbangan ke Tabung Cahaya boleh mendapat manfaat **"PENGEQUALIAN CUKAI"**.

